

**Muhyiddin Pengerusi Mesyuarat Mengenai Pekerja Asing
Bernama
9 Ogos, 2012**

PUTRAJAYA, 9 Ogos (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Khamis mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pemandang Asing Tanpa Izin di Dewan Persidangan, Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), bangunan Perdana Putra di sini.

Antara menteri kabinet yang hadir ialah Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Tan Sri Bernard Dompok, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar dan Menteri Kerja Raya Datuk Seri Shaziman Abu Mansor.

Mesyuarat yang bermula pada kira-kira 2.30 petang itu turut dihadiri oleh Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=686923>